

BERNAMA ONLINE 16 JUN 2020

KPPK Cadang Tiga projek Utama Bangun Industri Komoditi Kedah

ALOR SETAR, 16 Jun -- Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bercadang untuk membangunkan ladang komuniti getah, ladang buluh di kawasan terosot dan peluasan ladang nukleus bagi pengeluaran biji benih kenaf dalam usaha melonjakkan industri komoditi di Kedah.

Menteri Besar Muhammad Sanusi Md Nor berkata perkara itu dimaklumkan dalam pertemuan beliau dengan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali hari ini bagi membincangkan isu dan cabaran industri komoditi negara.

Beliau berkata projek pembangunan ladang komuniti getah berintegrasi adalah bertujuan menstrukturkan semula serta memusatkan kawasan pengeluaran getah.

"Konsep projek ini adalah pembangunan tanah milik kerajaan negeri yang diuruskan secara usaha sama antara LGM Properties Corporation (LGMPC), sebuah perbadanan di bawah Lembaga Getah Malaysia (LGM) dengan anak syarikat kerajaan negeri.

"Segala teknologi dan kepakaran LGM dalam sektor getah akan diaplikasikan sebagai model terbaik perladangan getah," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Mohd Khairuddin di Wisma Darul Aman di sini, hari ini.

Katanya setiap peserta yang terlibat dalam program itu dijangka mampu memperoleh pendapatan sehingga hampir RM2,000 sebulan.

Sementara itu, Muhammad Sanusi berkata projek pembangunan ladang buluh akan melibatkan kawasan seluas 500 hingga 1,000 hektar, yang akan dilaksanakan oleh syarikat kerajaan negeri melalui Program Pembangunan Ladang Hutan di bawah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

"Ia mampu menghasilkan pendapatan bersih sebanyak RM36,000 setiap hektar jika dilaksanakan dengan baik dan tersusun," katanya.

Beliau berkata projek ladang nukleus untuk pengeluaran biji benih kenaf pula akan melibatkan peluasan kawasan sedia ada kepada sehingga 300 hektar (luas semasa lebih 100 hektar).

Katanya pelaksanaan projek melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) itu dianggarkan dapat menghasilkan sebanyak 90,000 kilogram biji benih tambahan kepada keperluan biji benih kenaf negara.

"Peluasan kawasan ini dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada hampir 500 rakyat tempatan," katanya.

-- BERNAMA